

SABAK BERNAM, 31 JULAI (BERNAMA) -- KERAJAAN MAHUKAN RAKYAT MENGUBAH SIKAP DAN MENINGKATKAN DISIPLIN KERANA INGIN MEMBINA SATU BANGSA YANG KUAT DAN DISEGANI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

MATLAMAT INI HANYA AKAN DICAPAI APABILA RAKYAT MENYEDARI KELEMAHAN DAN KESALAHAN SENDIRI BERTA MENGAMBIL USAHA GIGIH MENGATASINYA, KATANYA.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN KE-31 UMNO BAHAGIAN SABAK BERNAM DI SINI, BELIAU MENYEBUT BAGAIMANA ISRAEL DAPAT TERUS MEMBEDIL KEDUDUKAN PALESTIN DAN WILAYAH ARAB KERANA BANGSANYA SERAMAI TIGA JUTA ORANG LEBIH GAGAH DARI 120 JUTA UMAT ARAB.

KEMAMPUAN ISRAEL ADALAH HASIL USAHA GIGIH DAN KEAZAMAN MASYARAKAT YAHUDI UNTUK MENJADI SUATU BANGSA YANG KUAT DAN GAGAH WALAUPUN TINDAK-TANDUKNYA BEGITU KEJI, KATA BELIAU.

KECAMAN DEMI KECAMAN TIDAK MEMBERI KESAN KE ATASNYA UNTUK MENERUSKAN TINDAKAN KEZALIMAN KE ATAS BUMI ARAB, TAMBAH BELIAU.

--LAGI 1326/AN

B536

MAHATHIR 2 SABAK BERNAM R'R'R'

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KATA-KATA SAHAJA TIDAK MEMBERI FAEDAH DAN SEBALIKNYA LANGKAH-LANGKAH HENDAKLAH DISUSUN SUPAYA NEGARA INI DAPAT MENJADI KUAT DAN GAGAH.

DUNIA LUAR HANYA AKAN MEMBERI PERHATIAN KEPADA MALAYSIA SEKIRANYA IA KUAT DAN MAJU, KATANYA.

MENURUT PERDANA MENTERI DASAR PANDANG KE TIMUR YANG DILAKSANAKAN SEKARANG IALAH BERTUJUAN UNTUK MENINGKATKAN PROSES PENGUBAHAN SIKAP RAKYAT.

UNTUK MEMBANGUNKAN SEBUAH MASYARAKAT YANG MAJU DAN KUAT, SETIAP RAKYAT HENDAKLAH MEMBERI TAAT SETIA SEPENUHNYA KEPADA TEMPAT BEKERJA Masing-masing sama ada dengan kerajaan atau firma swasta TANPA MEMPERHITUNGAN KEUNTUNGAN PERIBADI.

RAKYAT JEPUN DAN KOREA KINI LEBIH MAJU DARI MASYARAKAT EROPAH KERANA MEREKA MENUMPUKAN SEPENUH TENAGA DAN PERHATIAN UNTUK MEMPASTIKAN KEJAYAAN FIRMA Masing-masing, KATA BELIAU.

SEBALIKNYA PARA PEKERJA BARAT KINI MENJADI SEMAKIN MALAS, MAHU WAKTU BEKERJA YANG PENDEK TETAPI UPAH YANG TINGGI.

--LAGI 1402/AN

B541

MAHATHIR 3 SABAK BERNAM

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN PIMPINANNYA TIDAK MAHU GEJALA BURUK DARI BARAT ITU MENULAR KE NEGARA INI.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO SELANJUTNYA MENYERU AHLI-AHLI UMNO MEMAINKAN PERANAN UTAMA SUPAYA PERUBAHAN SIKAP RAKYAT ITU AKAN DICAPAI.

MEREKA HENDAKLAH MENJADI AGEN PENGUBAH DALAM USAHA MENGUBAH SIKAP ORANG MELAYU DAN RAKYAT MALAYSIA AMNYA SUPAYA MENJADI LEBIH BERJAYA, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN BETAPA PERLU SETIAP ANGGOTA UMNO MEMAHAMI DAN MENGHAYATI UNDANG-UNDANG PARTI.

BELIAU MENASIHATKAN PARA PEMIMPIN UMNO BAHAWA PARTI ITU BUKAN MILIK SESEORANG DAN OLEH ITU HENDAKLAH MENJAUHKAN DIRI DARIPADA KEGIATAN YANG BOLEH MEMECAHBELAHKAN PARTI DALAM PERLUMBAAN Mencari KEDUDUKAN.

TINDAKAN MENGISI JAWATAN DALAM PARTI DENGAN +RAKAN-RAKAN+ SENDIRI SAHAJA AKAN MENJEJASKAN KEUTUHAN DAN PERPADUAN PARTI, KATANYA.

--BERNAMA 1418/AN